

17/05/1997

Pemikiran Hassan tidak terbuka

Mistaken Identity

SAYA tertarik dengan pandangan saudara Hassan dari Selangor dalam ruangan ini bertarikh 26 April 1997. Surat beliau bertajuk, 'Jangan paksa pelajar Melayu ikuti aliran Sains' berserta pendapat dan pandangan beliau yang agak memeranjatkan dan mendukacitakan.

Apakah rasionalnya beliau menghantar anak ke MRSM Taiping yang ramai tidak mengetahui bahawa institusi itu adalah setaraf dan mungkin lebih baik daripada Maktab Melayu Kuala Kangsar selepas dilaksanakan Program Khas Pendidikan (PKP) sejak 1992.

Kebanyakan pelajar Melayu yang mengambil SPM adalah bukan daripada aliran Sains kecuali 3,000 pelajar dari MRSM seluruh negara, beberapa ribu dari sekolah berasrama penuh dan bilangan yang sedikit dari sekolah yang terletak di bandar.

Peratusan pelajar Melayu yang mengikuti aliran Sains tidak melebihi 30 peratus. Inilah hakikat sebenar kedudukan pelajar Melayu yang akan, sedang mahupun yang sudah mengambil SPM setiap tahun.

Secara jelas Hassan menyatakan keadaan dan kemudahan di Malaysia masih belum mampu menerima graduan daripada aliran Sains. Beliau turut menyatakan kebanyakan ketua di pejabat atau orang berjaya adalah bukan daripada aliran sains.

Secara jelas menunjukkan Hassan tidak mengikuti secara terbuka setiap perkara yang berlaku di Malaysia terutama dalam bidang pendidikan dan pembangunan. Mungkin Hassan tidak berapa mengetahui apakah sebenarnya Koridor Raya Multimedia (MSC), siapakah sebenarnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mahupun Allahyarham Tan Sri Yahya Ahmad dan lain-lain nama besar dalam agenda pembangunan dan kemajuan negara Malaysia.

Sebagai seorang pensyarah di Jabatan Fizik, UPM, tidak wajar melahirkan kata-kata berikut 'Jika kita mahu maju, jangan hidup berangan-angan dalam mimpi sebab kenyataan kita perlu ramai saintis adalah kenyataan separuh betul atau palsu kerana tidak disokong oleh fakta'.

Hakikat kita sebagai negara membangun memang diakui dan kita masih kekurangan teknologi dan bergantung dari luar. Persoalannya, sampai bilakah pergantungan ini akan berakhir? Kerjaya sebagai saintis adalah sebahagian kecil daripada peluang kerjaya yang boleh diperolehi oleh pelajar dari aliran Sains. Seandainya peluang sebagai saintis adalah terlalu kurang di negara ini, bagaimana pula dengan keperluan negara yang mahukan institusi tinggi melahirkan berpuluh-puluh ribu jurutera, arkitek dan doktor? Dr Salleh adalah lebih arif dalam hal ini.

Ayat yang berbunyi, 'kebolehan pelajar Melayu tidak harus dibandingkan dengan pelajar bukan Melayu' amat mendukacitakan.

Apakah sebenarnya yang ingin disampaikan oleh Hassan tidaklah diketahui tetapi apa yang nyata ialah beliau takut kepada bayang-bayang sendiri. Seperti yang diketahui umum, kejayaan kaum bukan Melayu di Malaysia dan penguasaan mereka dalam pelbagai bidang masih belum mampu ditandingi oleh orang Melayu.

Dalam sesuatu bahagian tertentu masih ada 100 peratus diwakili atau dianggotai oleh kaum bukan Melayu tetapi belum ada sesuatu perkara atau bahagian yang dianggotai 100 peratus orang Melayu kecuali dalam Jabatan Agama Islam dan mahkamah syariah.

Fakta ini seharusnya dijadikan pengajaran bagi orang Melayu dan sudah semestinya mereka membuat perbandingan dengan orang yang berjaya dan bukannya dengan masyarakat Orang Asli di pedalaman.

Seharusnya kita mengakui hakikat yang sebenarnya akan kedudukan umat Melayu di Malaysia dan segala cabaran yang akan dihadapi. Mungkin ramai umat Melayu di dunia tetapi orang Melayu di Malaysia yang mampu menyaingi arus mendatang dan umat Islam di Malaysia saja yang masih belum diporak-perandakan oleh anasir dari dalam mahupun luar negara.

Sewajarnya kita mengambil peluang ini untuk menyaingi kemajuan dan teknologi yang sentiasa berubah, bertambah dan mencabar. Kemajuan, teknologi dan pembangunan tidak dapat dipisahkan daripada Sains.

Seharusnya kita melihat sesuatu perkara itu dalam perspektif yang lebih luas. Dalam sesuatu organisasi, kumpulan, badan mahupun syarikat setiap ahli memainkan peranan mengikut kebolehan dan kemahiran masing-masing. Kita biasa dengar mengenai orang Sains membabitkan diri dalam perniagaan seperti mana yang dilakukan oleh Allahyarham Yahya iaitu raja automobil Malaysia.

Tetapi hingga kini kita masih belum mendengar perkara yang sebaliknya berlaku. Dapat dikatakan di sini bahawa seorang pengurus tidak mampu mengambilalih tugas seorang jurutera tetapi bukanlah perkara yang tidak pernah berlaku jurutera menggantikan pengurus.

Bidang pengurusan lebih memerlukan kebijaksanaan kita dalam menangani sesuatu perkara tetapi kerjaya sebagai jurutera memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Memang tidak ramai ketua dari aliran Sains kerana masih banyak kekosongan di bahagian lain yang terpaksa diisi oleh mereka disebabkan permintaan melebihi penawaran dan ketidakmampuan golongan lain untuk mengisi kekosongan ini.

Hassan juga menyatakan sains dilihat sebagai 'glamour' saja dan menurut beliau Dr Salleh mengatakan bahawa bukan pelajar Melayu tidak mahu ambil Sains, tapi bimbang kalau ikut sains mereka akan tertinggal oleh rakan dari aliran bukan Sains.

Lagi sekali pernyataan ini terlalu kabur untuk difahami. Apakah yang dimaksudkan dengan 'tertinggal'? Sekiranya ia merujuk kepada pencapaian akademik, ternyata pernyataan ini terlalu 'kolot' dan sekiranya ia merujuk kepada kerjaya selepas menamatkan pengajian, ia sebenarnya lebih menjuruskan kepada pemikiran yang sempit.

Kenyataan Hassan agar kerajaan tidak campur tangan dalam menentukan aliran yang akan dipilih oleh pelajar dan menyerahkannya kepada kebijaksanaan ibu bapa adalah satu kenyataan yang kurang tepat. Hakikat yang sebenarnya ialah pelajar sendiri yang mesti menentukannya.

Bagaimanapun, kerajaan memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan arah tuju pelajar supaya tidak terhenti di tengah jalan. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan agensi yang berkaitan sentiasa menyalurkan maklumat yang berkaitan dengan dunia pendidikan negara dan global.

Sebenarnya apa yang dilakukan oleh kerajaan lebih daripada itu sebagaimana yang dilakukan oleh Mara dan yayasan negeri. Dengan cara ini barulah tindakan yang diambil oleh pelajar bersesuaian dengan pencapaian akademik, minat dan kebolehan masing-masing.

Jika tidak keterlaluan bolehlah dikatakan bahawa Hassan adalah salah satu contoh dalam dilema orang Melayu. Pemikiran yang tidak terbuka, mengambil contoh dan pendapat daripada sesetengah pihak sahaja dan kurang mengikuti perkembangan semasa adalah contoh yang boleh membantutkan harapan dan cita-cita pihak lain dalam mengejar arus pembangunan dan kemajuan yang kini berteraskan teknologi maklumat (IT).

Walaupun contoh yang dikemukakan ini nampak kecil, sebenarnya ia mempunyai implikasi yang besar dalam pembangunan umat Melayu khususnya dan Malaysia amnya.